

Kerajaan jamin peluang pendidikan mencukupi

Pelbagai aspek diambil kira, cari penyelesaian terbaik atasi kekurangan

Ipoh: Kerajaan sentiasa memikul tanggungjawab menyediakan peluang pendidikan yang mencukupi serta mengutamakan rakyat, termasuk pelajar cemerlang bagi melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi dalam negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata kerajaan sedang berusaha memperluas peluang pengajian di dalam negara di samping membuka ruang kepada pelajar untuk menyambung pengajian di institusi luar negara.

"Saya lihat bila buka UPU (Unit Pusat Universiti), bergaduh tidak dapat (tempat). Sampai jadi isu kaum, maka kita dengar semua (masalah) dan cari penyelesaian berunding dengan baik.

"Jangan runting. Itu tanggungjawab kita sediakan. (Walaupun) ada 170,000 pelajar luar negara hendak belajar di sini, kita bagi keutamaan kepada rakyat Malaysia. (Belanjawan 2026) 1,500 tempat kita sediakan untuk pelajar cemerlang Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan matrikulasi," katanya.

Beliau berkata demikian di hadapan 1,500 pelajar yang juga calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada Program SPM Ce-



Anwar berucap pada Program SPM Cemerlang MADANI di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (C) Yuk Choy, Ipoh, semalam. (Foto L Manimaran/BH)



merlang MADANI di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (C) Yuk Choy di sini, semalam yang turut dihadiri Timbalan Menteri Pendidikan, Wong Kah Woh.

Tambah 1,500 tempat baharu

Kelmarin, ketika membentangkan Belanjawan 2026, Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata kerajaan bersetuju menambah 1,500 tempat baharu bagi

pengajian ijazah sarjana muda dalam 10 bidang utama di lima universiti penyelidikan negara.

Bidang itu termasuk undang-undang, perakaunan, ekonomi, perbankan, kewangan Islam, kecerdasan buatan (AI) dan bahasa dengan keutamaan diberikan kepada pelajar cemerlang termasuk lulusan STPM.

Dalam pada itu, Anwar berkata, kehadiran pelajar antarabangsa juga penting dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan global sambil menegaskan kehadiran mereka sama sekali tidak menjadi ancaman kepada peluang pendidikan rakyat tempatan.

"Dia (pelajar antarabangsa) kalau ke sini bayar penuh. Jangan halang mereka masuk, kita perlu penyertaan pelajar luar," katanya.

Selain itu, beliau berkata kerajaan sentiasa meletakkan pendidikan sebagai bidang utama yang diberikan peruntukan antara tertinggi dalam pembentangan belanjawan setiap tahun bagi menambah baik mutu pendidikan negara.

"Kebanyakan negara (bidang) pertahanan banyak peruntukan. Kita syukur rantau kita aman. Peruntukan paling besar ialah pendidikan sebab ini masa depan kita," katanya. BERNAMA